

# KENYATAAN MEDIA

## KERAJAAN MENYEDIAKAN BANTUAN KERUGIAN HARTA BENDA DAN TANAMAN AKIBAT SERANGAN HIDUPAN LIAR

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menganjurkan sesi dialog dan majlis penyerahan Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar (BKHT) di Bandar Tenggara, Johor pada hari ini. Majlis telah disempurnakan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Nik Nazmi Nik Ahmad.

Majlis ini turut dihadiri oleh YB Ling Tian Soon, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, pemimpin-pemimpin masyarakat setempat, serta pengusaha ladang ternakan dan pertanian. Penglibatan kepimpinan Kerajaan Negeri Johor pada majlis ini membuktikan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam usaha menangani konflik manusia dan hidupan liar.

Nik Nazmi telah menyerahkan bantuan BKHT kepada 21 penerima yang layak di Negeri Johor melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM38,000. Penerima merupakan kumpulan sasar dari daerah Kota Tinggi, Mersing, Batu Pahat dan Kahang yang mengalami kerosakan tanaman dan harta benda akibat serangan gajah dan kera. Sesi dialog juga telah diadakan pada majlis tersebut bagi membincangkan jalan penyelesaian terhadap isu konflik hidupan liar yang semakin kerap berlaku di negeri Johor.

Inisiatif BKHT merupakan satu bentuk bantuan kewangan secara *one-off* kepada penduduk kampung, komuniti setempat, Orang Asli, petani, nelayan dan penternak yang terjejas dan mengalami kerugian/ kerosakan harta benda dan tanaman akibat konflik hidupan liar.

Inisiatif ini diperkenalkan pada tahun 2024 melalui peruntukan sebanyak RM10 juta daripada Kementerian Kewangan. Setakat ini, seramai 91 pemohon di seluruh negara telah mendapat manfaat daripada inisiatif BKHT dengan jumlah bayaran sebanyak lebih RM300,000.

Pelaksanaan BKHT diterajui oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia di Semenanjung Malaysia; Jabatan Hidupan Liar Sabah di Sabah; dan Sarawak Forestry Corporation di Sarawak. Pelaksanaan BKHT turut disokong oleh pelbagai Jabatan/Agensi yang berkaitan termasuk Jabatan Kemajuan Orang Asli, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia khususnya dalam membuat penilaian terhadap permohonan yang diterima.

Jabatan/Agensi yang berkaitan di peringkat negeri serta pemimpin-pemimpin masyarakat setempat disarankan untuk menguar-uarkan inisiatif BKHT kepada kumpulan sasar supaya inisiatif ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai BKHT melalui talian hotline Jabatan PERHILITAN 1-800-88-5151 atau di laman [www.wildlife.gov.my.my](http://www.wildlife.gov.my.my).

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**

**16 OGOS 2024**